

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 APRIL 2017

## 4 sebab utama Dr. Mahathir tentang Najib

Um - 11/4/2017

**KUALA LUMPUR 10 April** - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad membuat pusingan-U sehingga sanggup bekerjasama dengan DAP yang dipimpin Lim Kit Siang untuk menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bukanlah semata-mata disebabkan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Sebaliknya, Ahli Majlis Tinggi UMNO, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz mendedahkan sebab utama bekas Perdana Menteri itu sangat marahkan Najib adalah kerana Presiden UMNO tersebut tidak memihak kepada anaknya, Datuk Seri Mukhriz dalam empat peristiwa.

Jelas Mohamed Nazri, peristiwa pertama membawa kepada kemarahan Dr. Mahathir ialah apabila Najib serta kepimpinan parti menyatakan sokongan kepada Khairy Jamaluddin dalam perebutan jawatan Ketua Pemuda UMNO berbanding Mukhriz.

Peristiwa kedua pula, kata Menteri Pelancongan dan Kebudayaan itu, ketika Khairy dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan yang menimbulkan kemarahan Dr. Mahathir sehingga beliau bertemu dengan Najib untuk menzahirkan rasa tidak puas hati dengan keputusan itu.

"Saya percaya kemarahan itu kerana dendam Dr. Mahathir terhadap Tun Abdullah Ahmad Badawi. Peristiwa ketiga berlaku pada pemilihan parti sebelum ini apabila Mukhriz tewas dan tidak dipilih



**MOHAMED NAZRI AZIZ** memberi penjelasan dalam isu Kenapa Perlu Debat??... Nazri vs Mahathir di Kompleks Lincah Mahaguru Omdardin, Batu Caves, Selangor malam kelmarin.

sebagai Naib Presiden UMNO, menyebabkan Dr. Mahathir berang.

"Peristiwa keempat ialah apabila Mukhriz digugurkan daripada jawatan Menteri Besar Kedah, digantikan dengan Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah. Saya ingin jelaskan bahawa Ahmad Bashah merupakan pemimpin sezaman dengan kami, sepatutnya beliau jadi Menteri Besar dulu, tetapi sebab mahu layan kerena Dr. Mahathir, Perdana Menteri pilih Mukhriz," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Penjelasan Isu: Kenapa Perlu Debat??... Nazri Vs Mahathir di Kompleks Lincah Mahaguru Omdardin, Batu Caves dekat sini malam tadi yang turut dihadiri oleh Timbalan

Ketua UMNO Bahagian Gombak, Senator Datuk Megat Zulkarnain Omdardin.

Mengulas debat dengan Dr. Mahathir yang dibatalkan kerana tidak mendapat kelulusan polis, Mohamed Nazri memberitahu beliau telah bersedia untuk mendedahkan kelakuan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu ketika mentadbir negara selama 22 tahun.

"Ini soalan yang sepatutnya saya mahu tanya kepada Dr. Mahathir dalam debat itu. Beliau jadi Pengerusi Barisan Nasional (BN) selama lima kali pilihan raya, berapa sumbangan atau derma yang beliau kutip? Berapa telah dibelanjakan? Mana pergi bakinya? Semua kami tidak tahu," katanya.